

Pemaju perlu sediakan tebatan banjir

Sebuah akhbar di Indonesia melaporkan 63.7 juta atau 26.8 peratus rakyat republik itu terdedah kepada ancaman banjir setiap kali musim hujan. Laporan itu menyebut Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB), badan yang bertanggungjawab mengenai masalah banjir di negara itu, mengenal pasti 315 kabupaten atau kota di republik itu berada pada tahap yang sering dilanda banjir - dari tahap rendah, sedang dan tinggi.

Laporan itu juga menyebut 40.9 juta atau 17.2 peratus penduduk negara itu menghadapi bahaya tanah runtuh atau disebut tanah longsor. Daerah banjir yang dikenal pasti ialah Jakarta, membabitkan kawasan yang terdedah banjir dengan keluasan 42.35 peratus, Sumatera Selatan (28.68 peratus), Papua (25.96 peratus), Kalimantan Selatan (24.76 peratus), Jawa Timur (23.53 peratus), Jawa Tengah (19 peratus), Riau (16.19 peratus), Kalimantan Barat (13.13 peratus), Papua Barat (13.40 peratus), Jawa Barat (12.34 peratus), Sumatera Utara (12.23 peratus) dan Aceh (12.05 peratus).

Bahaya tanah runtuh

Laporan itu juga menyebut 40.9 juta atau 17.2 peratus penduduk negara itu menghadapi bahaya tanah runtuh. Di Indonesia, mulai November hingga Disember dan berlanjutan hingga Februari dianggap musim hujan di mana tahap berjaga-jaga ancaman banjir adalah tinggi. Beberapa hari lalu beberapa kawasan di negara itu termasuk Jakarta berlaku banjir akibat hujan lebat beberapa jam sahaja.

Dalam sidang pengarang akhbar itu menyebut, walaupun rakyat negara itu menunggu musim hujan untuk membantu memadamkan kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan sejak empat bulan lalu, pada masa sama rakyat negara itu pula terpaksa menghadapi ancaman banjir.

Apa yang berlaku di negara jiran itu sekadar perbandingan untuk menunjukkan betapa Indonesia terpaksa menghadapi persiapan yang lebih besar bagi menghadapi banjir berbanding negara ini. Melihat kepada kawasan potensi banjir di negara itu sahaja, menunjukkan betapa banyak wang terpaksa dibelanjakan setiap kali berlaku banjir. Untuk menyediakan pusat pemindahan dan makanan kepada mangsa banjir sahaja memerlukan wang yang besar.

Jika pemerintah mahu meningkatkan kemudahan prasarana untuk mengatasi atau melaksanakan projek tebatan banjir pula, bayangkanlah betapa banyak wang yang diperlukan untuk tujuan itu.

Di Malaysia, beberapa negeri dan kawasan di Pantai Timur, Utara dan Selatan yang sering dilanda banjir juga membuat persiapan bagi menghadapi setiap musim tengkujuh. Di

Pantai Barat termasuk di kawasan tengah di Selangor dan Kuala Lumpur juga, banjir kilat sudah dianggap perkara biasa. Hujan lebat beberapa jam sahaja, sudah ada laporan mengenai banjir kilat. Cuma, setiap kali banjir kilat, air cepat surut. Ia bukanlah suatu keajaiban.

Kerajaan sudah membelanjakan wang yang besar untuk mengatasi masalah banjir kilat dengan melaksanakan pelbagai projek tebatan banjir sejak sekian lama. Paling penting, kerajaan juga menetapkan pelbagai peraturan dan syarat kepada pemaju projek pembangunan berhubung masalah alam sekitar, tarahan bukit, pembinaan saluran, longkang dan sebagainya sebelum diberi kelulusan projek.

Tiada pengawasan rapi

Di negara ini, di mana-mana sahaja kita pergi, pasti melihat projek pembangunan. Projek pembangunan khasnya perumahan dilaksanakan di merata tempat. Di kawasan bandar pula, boleh dikatakan satu demi satu kawasan kosong dibangunkan, walaupun di tengah-tengah kesesakan lalu lintas. Semua ini boleh menjadi punca banjir kilat jika tiada pengawasan rapi.

Ada pihak tidak menganggap peraturan itu sebagai serius, sematamata kerana mahu mengaut untung besar. Pada mereka, apa yang berlaku pada masa akan datang, tidak ada kaitan dengan mereka. Disebabkan kelemahan seperti inilah, pegawai pihak berkuasa yang terbabit dalam kelulusan projek dituduh menerima sogokan daripada pemaju.

Kerajaan tidak boleh memandang ringan terhadap kegiatan yang boleh menjadi punca kepada berlakunya banjir. Jika ia berpunca daripada pemaju projek pembangunan, tindakan tegas perlu diambil. Mengapa harus membiarkan mereka membuat untung besar sedangkan kerajaan terpaksa berbelanja jutaan ringgit untuk melaksanakan projek tebatan banjir kemudian hari. Jika ada pegawai yang memberi perlindungan kepada pemaju, hukum mereka. Rakyat juga boleh membantu pihak berkuasa untuk mengesan punca banjir dengan membuat aduan kepada pihak berkuasa berhubung kejadian tarahan bukit tanpa kelulusan, longkang tersumbat atau apa juga perbuatan yang boleh menyebabkan pengaliran air tersekat.

Rakyat juga seharusnya tidak membuang sampah di merata tempat kerana sampah satu daripada punca menyebabkan banjir. Di setengah bandar raya utama di dunia, banjir dikatakan berpunca daripada berjuta-juta tan sampah bertaburan di merata tempat tidak dikutip dan diurus dengan baik.



Penulis

ialah Felo Universiti Utara Malaysia (UUM)



MIOR
KAMARUL
SHAHID

miorokamarul@gmail.com